



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

SIARAN MEDIA

HASIL MESYUARAT PEGAWAI KANAN TENAGA ASEAN 2025 PADA 22 JANUARI 2025

LANGKAWI, 22 Januari 2025 – Mesyuarat Pegawai Kanan Tenaga ASEAN 2025 yang dianjurkan oleh Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah bermula pada 22 hingga 24 Januari 2025 di Langkawi, Kedah. Mesyuarat hari pertama ini telah dihadiri oleh wakil-wakil pegawai kanan tenaga dari Brunei, Filipina, Indonesia, Kemboja, Lao PDR, Myanmar, Singapura, Thailand dan Viet Nam manakala Timor Leste sebagai pemerhati.

Mesyuarat antara lain membincangkan dokumen *ASEAN Plan of Action for Energy Cooperation (APAEC) Post 2025* dan *ASEAN Power Grid (APG) Enhanced MoU* serta tindakan-tindakan susulan yang diperlukan bagi persediaan kepada majlis pelancaran dan menandatangani dokumen-dokumen tersebut semasa Mesyuarat Menteri Tenaga ASEAN (AMEM) yang ke-43 pada September 2025. Kedua-dua dokumen tersebut merupakan *Priority Economic Deliverables (PED)* sektor tenaga sepanjang Kepengerusian ASEAN Malaysia 2025.

Mesyuarat juga membincangkan draf *ASEAN Framework Agreement on Petroleum Security (APSA)* selain Kerangka Terma Rujukan bagi *Subsea Power Cable* oleh ASEAN Centre of Energy (ACE) yang akan menjadi tulang tonggak menyokong kepada pembangunan ASEAN Power Grid.

Majlis Peluncuran Penganjuran Mesyuarat – Mesyuarat Tenaga ASEAN 2025 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri PETRA pada 13 Januari lalu di Putrajaya. PETRA juga akan mempengerusikan dua (2) lagi mesyuarat utama Sektor Tenaga iaitu *Senior Officials Meeting on Energy* di Kuching, Sarawak pada 16 hingga 20 Jun 2025 dan *ASEAN Ministers of Energy Meeting* di Kuala Lumpur pada 22 hingga 26 September 2025.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR 22 JANUARI 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

